



29 MAY, 2026

Guna SOSMA tangkap penjenayah curi kabel

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Guna SOSMA tangkap penjenayah curi kabel

Oleh **NURAINA HANIS ABD. HALIM**
hanis.halim@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tindakan tegas termasuk menggunakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) perlu diambil terhadap penjenayah curi kabel kerana ia menggugat ketenteraman awam termasuk boleh menyebabkan

Sabotaj infrastruktur kritikal negara, gugat keselamatan awam

kehilangan nyawa.

Kegiatan mencuri kabel sama ada milik syarikat utiliti mahupun pengangkutan rel seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad

(KTMB) adalah satu tindakan sabotaj terhadap infrastruktur kritikal negara dan jika tidak dikawal ia boleh menyebabkan kehilangan nyawa.

Penganalisis jenayah, Shahul Hamid Abdul Rahim berkata, ia tidak boleh dilihat sebagai kes kecurian biasa, sebaliknya perlu dianggap jenayah berat kerana mengancam keselamatan awam selain menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan dan syarikat berkaitan.

Bersambung di muka 2



29 MAY, 2026

Guna SOSMA tangkap penjenayah curi kabel

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

Guna SOSMA tangkap penjenayah curi kabel

Dari muka 1

“Mereka ini sebenarnya pengkhianat negara kerana tindakan mereka menjejaskan sistem pengangkutan, bekalan elektrik dan kemudahan infrastruktur penting negara. Ini bukan lagi kes curi biasa tetapi satu jenayah berat.

“Penjenayah ini boleh diambill tindakan di bawah SOSMA kerana dianggap memberi ancaman kepada keselamatan negara,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Secara umum, SOSMA adalah undang-undang prosedur khas yang digunakan bagi menangani masalah berkaitan keselamatan negara di Malaysia.

Ia melibatkan masalah seperti keganasan, sabotaj, jenayah terancang, ancaman terhadap ketenteraman awam dan perbuatan yang menggugat keselamatan negara.

SOSMA selain itu membolehkan seorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap dan menahan mana-mana pihak yang berkenaan dengannya jika dipercayai terlibat dalam masalah keselamatan.

Bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri (KDN) bercadang membentangkan pindaan terhadap di Dewan Rakyat pada Julai atau Ogos depan.

Pindaan berkenaan bagi menangani tempoh prosiding yang panjang dan memperkenalkan pengelasan kesalahan mengikut tahap keseriusan.

Semalam akhbar ini melaporkan, kecurian kabel landasan tren KTMB telah menggugat keselamatan ribuan penumpang yang menggunakan perkhidmatan itu untuk pelbagai tujuan termasuk berulang-alik ke tempat kerja.

104 kes kecurian kabel direkod di seluruh negara tahun lalu

Sistem rel digugat pencuri kabel

Oleh FATIN NORIZATI MAT ISA

PETALING JAYA: Kecurian kabel landasan tren Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menggugat keselamatan ribuan penumpang yang menggunakan perkhidmatan itu untuk pelbagai

tujuan termasuk berulang-alik ke tempat kerja.

Pada tahun lalu, sebanyak 104 kes kecurian kabel berlaku di seluruh negara menyebabkan lebih 1,300 jam kelewatan kumulatif di seluruh rangkaian KTMB, kata Presiden Institut Pagan Pengangkutan dan Logistik Malay-

sia (CILTM), Prof Dr. Mohan Zaly Shah Muhammad Husni. Katanya, kecurian itu menyebabkan kerugian RM1 dalam kes pengangkutan, pahan dan menyumbang muntir kelewatan kereta api. Tetapi kos sebenar menggugat oleh penumpang

UTUSAN Malaysia semalam.

aka 2

Tahun lalu, sebanyak 104 kes kecurian kabel berlaku di seluruh negara dan menyebabkan lebih 1,300 jam kelewatan kumulatif di seluruh rangkaian KTMB.

Sementara itu, Shahul Hamid berkata, akta sedia ada seperti Seksyen 379 Kanun Keseksaan tidak lagi relevan kerana hukumannya terlalu ringan sehingga gagal memberi kesan gerun kepada penjenayah yang semakin berani menjalankan kegiatan tersebut.

Beliau berkata, oleh itu kerajaan juga boleh mempertimbang untuk mewujudkan satu akta khas atau memperketatkan peruntukan di bawah Kanun Keseksaan dengan hukuman lebih berat.

“Antaranya hukuman penjara mandatori sehingga 10 tahun serta denda maksimum RM100,000 terhadap individu yang terlibat dalam kegiatan itu.

“Sekiranya membabitkan warga asing, tindakan senarai hitam perlu diambil terhadap mereka agar tidak dapat lagi masuk ke negara ini,” katanya.

Beliau turut menggesa pengendali infrastruktur seperti KTMB dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) supaya meningkatkan tahap keselamatan den-

gan melabur dalam penggunaan teknologi tinggi bagi mengesan kegiatan jenayah lebih awal.

“Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), sensor keselamatan, sistem pengesanan pergerakan dan teknologi pemantauan pintar perlu diperluaskan terutama di kawasan panas yang sering menjadi sasaran penjenayah

“Langkah-langkah ini perlu diambil bagi menangani kecurian daripada berleluasa,” katanya.

Sementara itu, seorang lagi penganalisis jenayah, Kamal Affandi Hashim berkata, penguatkuasaan lebih berkesan perlu diberikan perhatian bagi memastikan kegiatan kecurian kabel dapat dibendung secara menyeluruh.

Menurutnya, hukuman juga perlu dikenakan terhadap pihak yang bersekongkol dengan penjenayah termasuk individu yang membeli kabel.

“Yang lebih mustahak adalah meningkatkan kecekapan mengesan cubaan melakukan kesalahan, mendakwa pembelinya dan juga mempertingkatkan pemantauan keselamatan di kawasan-kawasan yang memiliki aset berkenaan,” katanya.